

Sumbangan Kecil, Besar **Kasih**Sayang



 **MikroSayang**

PERLINDUNGAN
tenang
MAMPU & MUDAH


MUDAHNYA

UNTUK DAPATKAN PERLINDUNGAN!

Budaya saling membantu tidak asing lagi di kalangan masyarakat kita. Walau sekecil mana sumbangan yang diberikan, ianya boleh membawa bantuan yang besar kepada mereka yang memerlukan. Begitu juga apabila anda mencarum MikroSayang, anda bukan sahaja melindungi diri sendiri, malah anda juga saling melindungi pencarum-pencarum yang lain melalui dana Tabarru'. Nilai inilah yang mengukuhkan lagi ikatan perpaduan kita sebagai masyarakat majmuk. Bak kata pepatah, sepakat membawa berkat.



KELAYAKAN



Berumur 19 hingga 55 tahun



Warganegara Malaysia



Memiliki nombor telefon bimbit
berdaftar di Malaysia



Memiliki alamat emel untuk
berhubung



Tidak bankrap

Perbezaan antara kedua-dua produk ini adalah MikroSayang melindungi kematian akibat kemalangan, manakala bagi MikroSayang+, manfaat kematian diluaskan untuk melindungi kematian disebabkan sebarang akibat berserta perlindungan terhadap Hilang Upaya Penuh dan Kekal. Sementara itu manfaat-manfaat lain kekal sama mengikut pakej yang diambil Pelan A/A+, Pelan B/B+ dan Pelan C/C+

MikroSayang



MikroSayang+



MikroSayang

Anda boleh dapatkan perlindungan ini dengan hanya RM4.20 sebulan ataupun serendah RM0.14 sen sehari.

PELAN A: HOSPITALISASI

CIRI-CIRI PRODUK

MANFAAT HOSPITALISASI



RM50 sehari, terhad kepada 14 hari setahun

MANFAAT KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN



Satu (1) kali bayaran berjumlah RM5,000 bagi kematian akibat daripada kemalangan



PELAN A



RM50 setahun atau RM4.20 sebulan

CARUMAN

Tertakluk pada terma dan syarat.

Anda boleh dapatkan perlindungan ini dengan hanya RM4.20 sebulan ataupun serendah RM0.14 sen sehari.

PELAN B: PENYAKIT KRITIKAL

CIRI-CIRI PRODUK

MANFAAT PENYAKIT KRITIKAL



Satu (1) kali bayaran berjumlah RM5,000 bagi Penyakit Kritikal yang didiagnos dalam tempoh perlindungan

MANFAAT KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN



Satu (1) kali bayaran berjumlah RM5,000 bagi kematian akibat daripada kemalangan



PELAN B



RM50 setahun atau
RM4.20 sebulan

CARUMAN

Tertakluk pada terma dan syarat.

Anda boleh dapatkan perlindungan ini dengan hanya RM7.50 sebulan ataupun serendah RM0.25 sen sehari.

PELAN C: HOSPITALISASI & PENYAKIT KRITIKAL

CIRI-CIRI PRODUK

MANFAAT PENYAKIT KRITIKAL



Satu (1) kali bayaran berjumlah RM5,000 bagi Penyakit Kritikal yang didiagnos dalam tempoh perlindungan

MANFAAT HOSPITALISASI



RM50 sehari, terhadap kepada 14 hari setahun



PELAN C



Satu (1) kali bayaran berjumlah RM5,000 bagi kematian akibat daripada kemalangan

MANFAAT KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN



RM90 setahun atau RM7.50 sebulan

CARUMAN

MikroSayang⁺

Anda boleh dapatkan perlindungan ini dengan hanya RM6.25 sebulan ataupun serendah RM0.21 sehari.

PELAN A⁺ : HOSPITALISASI

CIRI-CIRI PRODUK

CARUMAN



RM75 setahun atau
RM6.25 sebulan

MANFAAT HOSPITALISASI



RM50 sehari, terhad
kepada 14 hari setahun

MANFAAT KEMATIAN/ HILANG UPAYA PENUH & KEKAL



Satu kali bayaran
berjumlah RM5,000 bagi
kematian atau hilang
upaya penuh dan kekal
disebabkan sebarang
akibat



PELAN A⁺

Anda boleh dapatkan perlindungan ini dengan hanya RM6.25 sebulan ataupun serendah RM0.21 sehari.

PELAN B⁺ : PENYAKIT KRITIKAL

CIRI-CIRI PRODUK

CARUMAN



RM75 setahun atau
RM6.25 sebulan

MANFAAT PENYAKIT KRITIKAL



Satu (1) kali bayaran
berjumlah RM5,000 bagi
Penyakit Kritikal yang
didiagnos dalam tempoh
perlindungan

MANFAAT KEMATIAN/ HILANG UPAYA PENUH & KEKAL



Satu kali bayaran
berjumlah RM5,000 bagi
kematian atau hilang
upaya penuh dan kekal
disebabkan sebarang
akibat



PELAN B⁺

Anda boleh dapatkan perlindungan ini dengan hanya RM10 sebulan ataupun serendah RM0.33 sehari.

PELAN C⁺ : HOSPITALISASI & PENYAKIT KRITIKAL

CIRI-CIRI PRODUK

MANFAAT PENYAKIT KRITIKAL



Satu (1) kali bayaran berjumlah RM5,000 bagi Penyakit Kritikal yang didiagnos dalam tempoh perlindungan

MANFAAT HOSPITALISASI



RM50 sehari, terhad kepada 14 hari setahun

PELAN C⁺

CARUMAN



RM120 setahun atau RM10 sebulan

MANFAAT KEMATIAN/ HILANG UPAYA PENUH & KEKAL



Satu kali bayaran berjumlah RM5,000 bagi kematian atau hilang upaya penuh dan kekal disebabkan sebarang akibat.

MILIKI PERLINDUNGAN DENGAN 6 LANGKAH MUDAH



Pilih sehingga 2 jenis perlindungan di bawah setiap kategori berikut:

Kategori 1:


Pelan **A** atau **C**
atau **A+** atau **C+**

Kategori 2:

Pelan **B** atau **B+**



Sebutharga akan dipaparkan.
Baca dan terima Borang
Cadangan Takaful.



Selesai! Anda boleh log masuk ke akaun anda untuk mengemaskini maklumat, hantar permohonan tuntutan dan membaca maklumat Sijil.



Layari laman web
www.mikrosayang.com



Isikan maklumat peribadi, baca dan fahamkan Risalah Pemberitahuan Produk, Soalan Lazim, dan Deklarasi Aqad. Pembantu virtual kami, Aira akan membantu anda.



Buat pembayaran.


DAPATKAN GANJARAN DENGAN LEBIHAN PENGUNDERAITAN DAN KEUNTUNGAN PELABURAN

Sebarang lebihan pengunderaitan daripada Dana Tabarru'¹ yang ada selepas penyelerasan dilakukan untuk tujuan kontigensi akan dikongsi bersama semua peserta dan Pengendali Takaful dengan nisbah 50:50. Bahagian yang diagihkan kepada Orang yang Dilindungi akan dimasukkan di dalam akaun bank Orang yang Dilindungi.

Sebarang keuntungan pelaburan yang terhasil daripada Dana Tabarru' akan dikongsi bersama semua peserta dan Pengendali Takaful dengan nisbah 50:50. Bahagian yang diagihkan kepada Orang yang Dilindungi akan dimasukkan di dalam akaun bank Orang yang Dilindungi.

Nota: Lebihan pengunderaitan dan keuntungan pelaburan akan dikira secara tahunan.

¹ Dana Tabarru' merujuk kepada kumpulan dana yang diwujudkan bagi tujuan perpaduan dan kerjasama antara Peserta yang digunakan untuk membantu semua Peserta seandainya berlaku perkara yang tidak diingini.



NIKMATI PELEPASAN CUKAI



Anda layak menerima pelepasan cukai perseorangan ke atas caruman takaful yang dibayar tertakluk kepada terma dan syarat tertentu. Bagi individu selain daripada kategori penjawat awam berpencen, pelepasan cukai untuk caruman Takaful Keluarga adalah terhad kepada RM3,000 manakala individu dalam kategori penjawat awam berpencen layak mendapat pelepasan cukai terhad sebanyak RM7,000. Pelepasan cukai bagi caruman Takaful Pendidikan atau Takaful Perubatan pula adalah sebanyak RM3,000.

Nota: Pelepasan Cukai tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan Malaysia 1967 dan keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

SOALAN LAZIM



- 1. Berapakah umur kelayakan bagi pelan ini?**
Anda hendaklah berumur di antara 19 – 55 tahun untuk layak menyertai pelan ini.
- 2. Adakah saya perlu menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum saya boleh menyertai dalam MikroSayang?**
Anda tidak perlu menjalani sebarang pemeriksaan kesihatan.
- 3. Bolehkah saya mendapatkan perlindungan tanpa pendaftaran bagi perlindungan MikroSayang melalui laman web?**
Tidak, produk ini hanya boleh disertai melalui laman web MikroSayang.
- 4. Berapakah caruman yang perlu saya bayar?**
Anda perlu membayar caruman bergantung kepada pelan MikroSayang yang telah anda pilih. Sila rujuk Jadual Caruman, bagi caruman yang dibayar bagi setiap pilihan pelan seperti yang dinyatakan di bawah.

Jenis Pelan	Caruman (RM)			
	Bulanan	Suku Tahunan	Setengah Tahunan	Tahunan
Pelan A	4.20	12.50	25.00	50.00
Pelan B	4.20	12.50	25.00	50.00
Pelan C	7.50	22.50	45.00	90.00
Pelan A ⁺	6.25	18.75	37.50	75.00
Pelan B ⁺	6.25	18.75	37.50	75.00
Pelan C ⁺	10.00	30.00	60.00	120.00

Sila pastikan anda membayar caruman di dalam masa yang ditetapkan. Tempoh tenggang sehingga tiga puluh (30) hari dari setiap tarikh Caruman berikut yang perlu dibayar adalah dibenarkan untuk membayar Caruman yang selanjutnya. Perlindungan akan terbatal selepas Tempoh Tenggang berakhir.

- 5. Bagaimanakah saya boleh membuat bayaran caruman bagi perlindungan MikroSayang?**
Anda boleh membuat bayaran caruman secara debit terus atas talian, kad kredit, FPX atau tunai di Mydin atau KK Mart.
- 6. Apakah yuran dan caj yang dikenakan?**
 - i. Caj Pendahuluan (Yuran Wakalah)**
Caj Pendahuluan adalah amaun yang ditolak terdahulu dari Dana Tabarru' (sebagai peratusan Caruman ditolak Cukai Perkhidmatan dan/atau cukai-cukai lain, jika ada), yang terdiri daripada:
 - kos pengedaran langsung, dan
 - perbelanjaan pengurusan bagi menguruskan Sijil anda, termasuk duti setem sebanyak RM10.

ii. Tabarru'

Tabarru' adalah jumlah baki di dalam Dana Tabarru' setelah penolakan Caj Pendahuluan, sebagai tujuan menyediakan perlindungan dan menampung tuntutan ke atas kejadian/risiko yang dilindungi di bawah Sijil Takaful.

7. **Bolehkah saya menyertai produk ini melalui ejen?**

Produk ini hanya boleh disertai melalui laman web MikroSayang.

8. **Bolehkah saya membuat perubahan terhadap tarikh berkuat kuasa Sijil bagi perlindungan saya selepas saya telah menyertai produk ini?**

Tarikh berkuat kuasa Sijil tidak boleh diubah selepas anda telah menyertai produk ini.

9. **Bolehkah saya memohon lebih daripada satu (1) perlindungan MikroSayang dalam satu masa?**

Setiap Orang Yang Dilindungi dibenarkan untuk menyertai sehingga maksima dua (2) pelan MikroSayang dalam satu masa di mana hanya satu (1) pelan sahaja yang dibenarkan bagi setiap Orang yang Dilindungi di bawah kategori berikut:

- Kategori 1 – Pelan A atau C atau A⁺ atau C⁺; dan
- Kategori 2 – Pelan B atau B⁺.

10. **Bagaimanakah saya boleh menghubungi Great Eastern Takaful Berhad jika saya mempunyai sebarang pertanyaan?**

Bagi pertanyaan umum dan yang berkenaan dengan Sijil, anda boleh emel secara terus kepada kami di MikroSayang@greasterntakaful.com.

APENDIKS 1



Penyakit-penyakit kritikal ini tertakluk pada tempoh menunggu 30/60 hari dan tempoh kelangsungan hidup 7 hari bagi pembayaran manfaat penyakit kritikal.

Penyakit-penyakit kritikal yang tertakluk kepada tempoh menunggu selama 60 hari:

01	Serangan Jantung – keterukan tertentu	04	Kanser – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal
02	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	05	Penyakit Arteri Koronari Serius
03	Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari		

Penyakit-penyakit kritikal yang tertakluk kepada tempoh menunggu selama 30 hari:

01	Penyakit Alzheimer/Demensia Teruk	21	Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang
02	Sindrom Apallik	22	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
03	Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	23	Hilang Pertuturan
04	Tumor Otak Benign – keterukan tertentu	24	Trauma Kepala Major (teruk) – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
05	Buta – Kekal dan Tidak boleh Pulih	25	Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang
06	Pembedahan Otak	26	Penyakit Sistik Medular
07	Kardiomiopati – keterukan tertentu	27	Penyakit Neuron Motor – defisit neurologi kekal dengan symptom klinikal berterusan
08	Anemia Aplastik Kronik – mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang	28	Sklerosis Multipel
09	Keradangan Pankreas Berulang dan Kronik	29	Distrofi Otot
10	Koma – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan	30	Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkiti melalui Pekerjaan
11	Penyakit Creutzfeldt-Jakob (CJD) (Penyakit Lembu Gila)	31	Kelumpuhan Anggota
12	Pekak – Kekal dan Tidak Boleh Pulih	32	Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
13	Elefantiasis	33	Poliomieltitis
14	Ensefalitis – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	34	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – keterukan tertentu
15	Kegagalan Buah Pinggang Tahap Akhir	35	Skleroderma Progresif
16	Kegagalan Hati Tahap Akhir	36	Strok/Angin Ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom simptom klinikal berterusan
17	AIDS Dengan Gejala Penuh	37	Pembedahan Aorta
18	Hepatitis Viral Fulminan	38	Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
19	Pembedahan Injap Jantung	39	Penyakit Terminal
20	Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah	40	Kelecuran Tahap Ketiga – keterukan tertentu

PENGECUALIAN

Pengecualian bagi Manfaat Kematian akibat Kemalangan

Manfaat Kematian akibat Kemalangan di bawah Sijil ini tidak akan terpakai atau dibayar bagi sebarang Kecelakaan Akibat Kemalangan atau Kehilangan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, oleh mana-mana satu (1) daripada perkara-perkara berikut:

- (a) bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ketika waras atau tidak waras;
- (b) peperangan atau sebarang tindakan perang, sama ada diisytiharkan atau tidak, aktiviti jenayah, bertugas secara aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penglibatan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan;
- (c) disebabkan Orang yang Dilindungi melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang atau percubaan melanggar undang-undang oleh Orang yang Dilindungi atau mengelak daripada ditangkap;
- (d) di bawah pengaruh alkohol atau dadah melainkan atas arahan oleh pakar perubatan.

Pengecualian bagi Manfaat Hospitalisasi

Manfaat Hospitalisasi di bawah Sijil ini tidak akan terpakai atau dibayar bagi sebarang hospitalisasi yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, oleh mana-mana satu (1) daripada perkara-perkara berikut:

- (a) sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam Tempoh Menunggu;
- (b) sebarang rawatan atau operasi pembedahan untuk Penyakit Kongenital atau kecacatan termasuk penyakit keturunan;
- (c) kehamilan dan komplikasinya, kelahiran anak (termasuk kelahiran secara pembedahan dan sebarang prosedur bukan pembedahan terhadap sistem pembiakan perempuan semasa kelahiran secara pembedahan), keguguran, pengguguran dan penjagaan serta pembedahan sebelum atau selepas kelahiran, kaedah pencegahan kehamilan kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan mengenai ketidaksuburan. Ketidaktunggalan erektile dan ujian atau rawatan yang berkaitan dengan mati pucuk atau pensterilan. Walau bagaimanapun, pengecualian ini tidak terpakai kepada apa-apa keguguran di bawah 28 minggu akibat kemalangan di bawah Sijil ini tetapi ia adalah tertakluk kepada had yang untuk perlindungan tersebut. Jika bagaimanapun, Ahli yang Dilindungi mempunyai perlindungan manfaat bersalin, ia adalah tertakluk kepada had manfaat masing-masing;
- (d) rawatan bagi kecederaan yang dialami semasa melakukan jenayah atau perbuatan jenayah, atau semasa berada di bawah pengaruh alkohol, narkotik, atau bahan yang mengubah minda atau bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan diri sendiri dengan sengaja ketika siuman atau tidak siuman.

Pengecualian bagi Manfaat Penyakit Kritikal

Manfaat Penyakit Kritikal di bawah Sijil ini tidak akan terpakai atau dibayar bagi sebarang Penyakit Kritikal yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, oleh mana-mana satu (1) daripada perkara-perkara berikut:

- (a) Penyakit Kritikal sedia wujud sebelum atau pada Tarikh Permulaan atau pada tarikh sebarang penguatkuasaan semula Sijil Takaful, mana yang kemudian; atau
- (b) sebarang rawatan atau pembedahan untuk anomali kongenital; atau
- (c) disebabkan kecederaan badan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung (kecuali dalam percubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia), ketika waras atau tidak waras; atau
- (d) akibat Orang yang Dilindungi melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh Orang yang Dilindungi.

Pengecualian bagi Manfaat Kematian

Manfaat Kematian di bawah Sijil ini tidak akan terpakai atau dibayar bagi sebarang kematian yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, oleh bunuh diri, ketika waras atau tidak waras, dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh berkuat kuasa atau dari tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana yang kemudian.

Pengecualian bagi Manfaat Hilang Upaya Penuh dan Kekal

Manfaat Hilang Upaya Penuh dan Kekal di bawah Sijil ini tidak akan terpakai atau dibayar bagi sebarang Hilang Upaya Penuh dan Kekal yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, oleh mana-mana satu (1) daripada perkara-perkara berikut:

- (a) kecederaan badan yang dilakukan sendiri, ketika waras atau tidak waras;
- (b) kecederaan badan yang dialami akibat payung terjun atau terjun udara atau daripada penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual biasa; atau
- (c) Hilang Upaya Penuh dan Kekal yang sedia wujud sebelum atau pada tarikh berkuat kuasa pelan atau pada sebarang tarikh penguatkuasaan semula, mana-mana yang kemudian.

Nota: Senarai-senarai pengecualian di atas adalah tidak menyeluruh, sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi senarai pengecualian yang penuh dan menyeluruh.

NOTIS PENTING

1. Produk **MikroSayang** adalah pelan Takaful Bertempoh Berkelompok yang boleh diperbaharui setiap tahun bagi tujuan perlindungan yang menyediakan pembayaran manfaat sekaligus apabila berlakunya peristiwa-peristiwa berikut.
 - **Manfaat Kematian/Hilang Upaya Penuh dan Kekal:** kematian atau Hilang Upaya Penuh dan Kekal (tertakluk kepada Tempoh Kesinambungan Hilang Upaya Penuh dan Kekal) pada Orang yang Dilindungi semasa tempoh perlindungan.
 - **Manfaat Kematian akibat Kemalangan:** kematian Orang yang Dilindungi yang disebabkan oleh Kemalangan semasa tempoh perlindungan, dan/atau
 - **Manfaat Hospitalisasi:** kemasukan ke hospital Orang yang Dilindungi di Hospital Panel semasa tempoh perlindungan, dan/atau
 - **Manfaat Penyakit Kritikal:** Penyakit Kritikal Orang Yang Dilindungi semasa tempoh perlindungan.

Pelan ini adalah produk Takaful Keluarga, bukan produk pelaburan seperti unit amanah dan tidak mempunyai sebarang elemen simpanan atau pelaburan.

Nota: Tempoh Kesinambungan bagi Hilang Upaya Penuh dan Kekal adalah bersamaan dengan Hilang Upaya Penuh dan Kekal yang telah berterusan untuk sekurang-kurangnya 6 bulan berturut-turut dari tarikh hilang upaya semasa Sijil ini berkuat kuasa.

2. Manfaat yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada Tempoh Menunggu seperti berikut:
 - Kelayakan untuk **Manfaat Kematian/Hilang Upaya Penuh dan Kekal** hanya akan bermula 30 hari selepas tarikh berkuat kuasa bagi kematian/Hilang Upaya Penuh dan Kekal bukan akibat kemalangan.
 - Kelayakan untuk **Manfaat Hospitalisasi** hanya akan bermula 30 hari selepas tarikh berkuat kuasa bagi hospitalisasi bukan akibat kemalangan.
 - Kelayakan untuk **Manfaat Penyakit Kritikal** hanya akan bermula 30 hari atau 60 hari (bergantung kepada jenis Penyakit Kritikal) selepas tarikh berkuat kuasa.

Nota: Tempoh Menunggu tidak akan dikenakan semasa pembaharuan bagi pelan yang sama atau semasa penyertaan pelan yang berbeza yang mempunyai manfaat yang sama. Bagi penyertaan dalam pelan baru yang mempunyai manfaat yang berbeza yang tidak dipunyai di dalam pelan yang disertai sebelumnya, Tempoh Menunggu yang baru akan dikenakan.

3. Umur merujuk kepada umur hari lahir berikutnya.
4. Caruman perlu dibayar sehingga tempoh perlindungan tamat atau sehingga Orang yang Dilindungi meninggal dunia, mana yang terdahulu. Sekiranya anda tidak membayar caruman anda di dalam tempoh tenggang selama 30 hari, Sijil anda akan luput.
5. Sijil Takaful akan ditamatkan dan tiada manfaat yang akan dibayar dari Dana Tabarru' apabila berlaku perkara berikut:
 - i. Kematian Orang yang Dilindungi, sama ada Manfaat Kematian akibat Kemalangan dibayar atau tidak;
 - ii. Hilang Upaya Penuh & Kekal terhadap Orang yang Dilindungi;
 - iii. Pembatalan atau penyerahan Sijil Takaful, atau;
 - iv. Penamatan Sijil Induk.
6. Anda seharusnya yakin bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan caruman yang dibayar di bawah Sijil ini adalah jumlah yang anda mampu bayar.

7. “Tempoh Rujukan Percuma” selama 15 hari dari tarikh anda menerima E-mel Pengesahan Pendaftaran dan Sijil diberikan kepada anda untuk meneliti kesesuaian pelan. Anda boleh memohon untuk membatalkan Sijil ini dengan syarat permohonan tersebut diterima secara terus oleh Kami di dalam Tempoh Rujukan Percuma. Jika Sijil ini dikembalikan dalam tempoh tersebut, kami akan mengembalikan suatu amaun yang bersamaan dengan jumlah caruman yang telah Anda bayar kepada Kami.
8. Notis bertulis sekurang-kurangnya selama tiga puluh (30) hari awal akan diberikan (“Tempoh Notis”) kepada Orang yang Dilindungi sekiranya terdapat sebarang perubahan terhadap Caruman, Caj Pendahuluan dan/ atau Kadar Tabarru’ (“Caj dan Kadar”). Caruman dan Caj adalah tidak dijamin dan mungkin berubah pada tarikh pembaharuan Sijil.
9. Sebarang perubahan pada struktur manfaat adalah tertakluk pada semakan semula pada tarikh pembaharuan Sijil oleh kami dengan memberikan anda notis bertulis sekurang-kurangnya 30 hari.

Risalah ini adalah untuk maklumat am sahaja dan bukanlah satu kontrak Takaful Berkelompok. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Risalah Pemberitahuan Produk dan contoh Sijil bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri penting dan manfaat pelan sebelum menyertai pelan ini. Anda juga boleh merujuk kepada risalah pendidikan pengguna mengenai Takaful Perubatan & Kesihatan yang dikeluarkan di bawah Program Pendidikan Pengguna untuk maklumat lanjut.

Produk ini merupakan produk yang patuh Syariah.

Pelan ini ditajajamin oleh:



Great Eastern Takaful Berhad. 201001032332 (916257-H)
Level 3 Menara Great Eastern
303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.



www.mikrosayang.com

Mengenai Great Eastern Takaful Berhad

Great Eastern Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang menyediakan perlindungan bagi pelan Takaful Keluarga dan pelan perubatan & kesihatan. Pengendali Takaful ini telah ditubuhkan pada Disember 2010 dan didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Ianya disokong oleh 2 institusi utama di Malaysia, Kumpulan Great Eastern, yang merupakan kumpulan insurans terbesar dan tertua di Malaysia dengan pengalaman melebihi 100 tahun dan Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad, salah satu syarikat koperasi yang terbesar di Malaysia dan mempunyai lebih daripada 140,000 ahli.



Great Eastern Takaful Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang dilindungi di bawah sijil takaful yang ditawarkan oleh Great Eastern Takaful Berhad dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan Pengendali Takaful. Untuk maklumat lanjut mengenai had dan skop perlindungan ini, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada Great Eastern Takaful Berhad atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

